

Melayu masih terus dikaji

Oleh YUSRI SAHAT

SEJARAH kedatangan bangsa Melayu kuno ke Pulau Madagascar sejak 2,000 tahun yang lampau masih menjadi perbincangan di kalangan para pengkaji sejarah dan budaya antarabangsa.

Para sarjana masih gagal mengungkap tujuan kedatangan mereka ke pulau itu. Ini memandangkan pulau berkenaan bukan sebuah pulau yang boleh memberi hasil ekonomi yang menguntungkan dari sudut perdagangan antarabangsa pada ketika itu.

Bagaimanapun, para sarjana bersetuju bahawa bangsa Melayu kuno merupakan bangsa yang berani meredah lautan untuk belayar dan menjelajah kawasan tertentu di dunia ini.

Mengikut catatan sejarah, mereka dikatakan telah belayar sehingga ke India dan Benua Afrika serta menduduki beberapa tempat di kawasan tersebut selain daripada berniaga.

Di kawasan itu mereka membentuk penempatan sama ada dalam bentuk sementara ataupun kekal sehingga ke hari ini.

Antara tempat yang pernah dijejaki oleh bangsa Melayu pada awal kurun masihi dahulu termasuk pulau-pulau di Lautan Pasifik, Sri Lanka dan Madagascar.

Kedatangan

Menurut seorang sarjana dari Madagascar Dr. Christian Ranaivoson, bukti kedatangan mereka adalah berdasarkan kepada kelompok bangsa Melayu dan budaya yang diamalkan oleh mereka. Ia hampir bersamaan dengan rumpun Melayu di Asia Tenggara.

Beliau berkata, kedatangan mereka ke Madagascar pada zaman pra-Islam masih menjadi tanda tanya para sarjana sama ada kedatangan mereka adalah untuk berniaga atau kerana sifat semula jadi mereka untuk mengembara.

"Adalah dipercayai sebahagian besar rumpun Melayu di Madagascar adalah keturunan Bugis dan Aceh kerana bangsa tersebut memang terkenal di dalam bidang pelayaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum *Dunia Melayu: Madagascar dan Kedah Darul Aman* di Perpustakaan Awam Alur Setar, Kedah, baru-baru ini.

Dr. Christian merupakan seorang doktor perubahan yang bertugas di Hospital Pithiviers, Perancis berketurunan Melayu dan berasal dari suku kaum Merina.

Minat Dr. Christian terhadap unsur kemelayuan bangsanya mendorong beliau mempelajari ilmu Sejarah, Arkeologi dan Sejarah Kesenian Melayu di Universiti Paris, Perancis.

Membuat kajian

Beliau banyak membuat kajian mengenai hubungan Madagascar dengan dunia Melayu di samping bergiat



DR. CHRISTIAN RANAIVOSON

dalam persatuan amal *Amicale Pour l'Aide A Madagascar* yang mempromosikan kebudayaan serta ekonomi Madagascar di Perancis.

Perjuangan dan gagasannya disalurkan kepada bangsanya melalui majalah Madagascar *Feon'ny Merina* (Suara Masyarakat Merina).

Menurut beliau, suku kaum Merina dikatakan masih mempunyai ikatan kuat dengan bangsa Melayu berdasarkan kepada bahasa dan adatnya yang banyak menyamai di rantau Asia Tenggara.

Dr. Christian menjelaskan, salah satu teori mengenai kedatangan orang Melayu ke Madagascar iaitu pada zaman pra-Islam. Pada ketika itu sekumpulan pedagang Melayu telah belayar mengikut arus lautan di sebelah barat Sumatera dan terus ke Madagascar.

Menurut beliau, kebenaran teori itu boleh diterima kerana mengikut kajian arus yang terdapat di sebelah barat Sumatera akar terus ke Madagascar dan arus berkenaan tidak berpatah kembali ke Sumatera.

Katanya, orang Melayu berkenaan kemudian menyusuri pantai timur pulau Madagascar dan membentuk beberapa pangkalan nelayan di pesisir pantai. Manakala sebahagiannya pula meredah hutan dan menjalankan aktiviti pertanian di bahagian tengah pulau itu.

"Pada abad ke-7 Masihi, sebahagian besar masyarakat Melayu di pulau itu yang sebelumnya mengamal-

kan amalan animisme telah memeluk agama Islam yang dibawa oleh mubaligh dari Arab dan Parsi," jelasnya.

Beliau memberitahu, pada pertengahan abad ke-10, terdapat sekumpulan lagi orang Melayu Sumatera yang bergelar "Waqwaq" berhijrah ke pulau tersebut dengan tujuan yang tidak dapat dipastikan.

Katanya, kumpulan itu kemudiannya dirujuk kepada pemimpin Melayu yang bernama Ramini dan Raminia yang membentuk kerajaan Melayu di pulau tersebut.

Menurutnya, anak sulung kepada Ramini dari suku kaum Zafin menjadi pemimpin Melayu di bahagian tenggara sementara anak bongsunya, Ra-Kuka dari keturunan Huva menjadi pemimpin Melayu di kawasan tengah pulau berkenaan.

"Bagaimanapun, kedatangan Perancis di pulau itu pada tahun 1895 telah banyak mengubah cara hidup masyarakat Melayu apabila kebanyakan orang Melayu telah memeluk agama Kristian," katanya.

Diamalkan

Namun begitu tambahnya, kedatangan agama Kristian ke pulau itu masih tidak mampu untuk mengubah keseluruhan cara hidup Melayu-Islam masyarakat

Melayu di pulau itu.

Sebagai contoh jelas beliau, amalan berkhatan di kalangan anak-anak lelaki masih diamalkan oleh masyarakat Melayu sedangkan ia tidak diamalkan di dalam ajaran Kristian.

Selain itu katanya, tulisan jawi masih digunakan di dalam persuratan walaupun sedikit demi sedikit digantikan dengan tulisan rumi di dalam keadaan tertentu.

Beliau memberitahu, masih terdapat beberapa persamaan dari segi bahasa yang dipertuturkan oleh masyarakat Melayu di pulau itu dengan masyarakat Melayu di Asia Tenggara.

"Contohnya, mulut disebut **mult**, lidah disebut **lela**, tulang disebut **tolang**, siku disebut **kiu**, batang disebut **vatang**, tangan disebut **tanana** dan kiri disebut **kavi**," katanya.

Tambah beliau, perubahan dari segi bahasa dan budaya masyarakat Melayu Madagascar adalah disebabkan proses asimilasi yang terlalu lama antara mereka dengan bangsa Afrika dan Arab.

Selain itu, katanya, masih ada perkataan Melayu yang dipertunjukkan oleh masyarakat Melayu di pulau itu seperti pangkalan, kuala dan merimba atau meredah hutan.